

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 JULY 2016

Dr Mahathir terpaksa tubuh parti baharu untuk naikkan Mukhriz: Nazri

BH - 18/7/2016

[FOTO BALQIS JAZIMAH ZAHARI/BH]

Padang Rengas: Ahli Majlis Tinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menganggap Tun Dr Mahathir Mohamad mahu menubuhkan parti baharu kerana Pakatan Harapan tidak menerima beliau dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz untuk menjadi ahli.

Beliau berkata, ini membuktikan Pakatan Harapan tidak boleh menerima pemimpin seperti Dr Mahathir kerana mereka tahu niat beliau menyertai pakatan berkecuali adalah untuk menaikkan anaknya, Mukhriz.

Katanya, ini terbukti apabila dalam Pakatan Harapan, Lim Kit Siang sebagai penasihat DAP sudah ada anaknya, Lim Guan Eng sebagai Setiausaha Agung DAP dan Ketua Menteri Pulau Pinang, manakala Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sudah mempunyai anaknya, Nurul Izzah Anwar sebagai Naib Presiden PKR.

Mengalu-alukan penubuhan parti baharu

"Saya alu-alukan dia (Dr Mahathir) tubuhkan parti politik baharu kerana ini adalah amalan demokrasi dalam Parlimen dan saya nampak dia dah dengar ca-

kap saya untuk tubuh parti baharu dan bukannya melaung di jalan dengan mengadakan demonstrasi kerana ia tidak kena dan itu bukan caranya.

"Tubuh parti apa pun, Barisan Nasional tetap akan lawan dalam pilihan raya nanti," katanya dalam sidang media selepas majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Pemimpin di Taman Puncak Bougainvillea, dekat sini, semalam.

Mohamed Nazri yang juga Menteri Pelancongan dan Kebudayaan mengulas kenyataan Dr Mahathir pada Khamis lalu mengumumkan beliau akan menubuhkan parti baharu yang akan menjadi sebahagian komponen pakatan pembangkang bagi menghadapi BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-14.

"Sekarang ini mereka yang tiada rumah (parti) seperti 'hantu raya' sudah ada rumah baharu dengan menubuhkan parti baharu.

"Dengan adanya parti politik yang sah dan minta kebenaran polis, apa sahaja program boleh diadakan dengan mengikut peraturan," katanya.

Beliau berharap rakyat menghormati Dr Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri tetapi jangan ikut cara beliau yang jelas 'Melayu sudah lupa diri'.

BERNAMA



Mohamed Nazri menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Pemimpin di Taman Puncak Bougainvillea, Padang Rengas, semalam.